


SEKOLAH UGAMA LAMBAK KANAN



Sekolah Agama Kekal ini dibina pada 28 Februari 1993 dan siap sepenuhnya pada 27 Ogos 1994.

Terletak di Kawasan Perumahan Perpindahan Lambak Kanan di bawah Perancangan Kemajuan Negara ke VI dan keluasan kawasan sekolah ini lebih kurang 1.84 hektar atau 4.54 ekar dengan bajet peruntukan berjumlah lebih kurang 2.4 juta ringgit Brunei.

Sekolah ini mula digunakan pada 01 November 1994, penyerahan anak kunci sekolah ini diterima oleh Yang Mulia Dato Seri Setia Awg Haji Kasim bin Haji Lamat.

Dan dibuka rasmi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohd Daud pada 01 Oktober 1996.

Pada 25 September 1995, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat melawat ke sekolah ini semasa aturcara keberangkatan baginda ke Mukim Berakas dan seterusnya menyempurnakan penyerahan anak-anak kunci rumah di bawah Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan bagi peringkat ke tujuh fasa II, ke lapan, ke sembilan dan ke sepuluh.

Sila jawab soalan dibawah ini dengan jawapan yang betul:

Sekolah Ugama Kekal ini dibina pada 28 _____ 1993 dan siap sepenuhnya pada 27 Ogos _____.

Terletak di Kawasan Perumahan Perpindahan _____ di bawah Perancangan Kemajuan Negara ke VI dan keluasan kawasan sekolah ini lebih kurang _____ hektar atau _____ ekar dengan bajet peruntukan berjumlah lebih kurang _____ juta ringgit Brunei.

Sekolah ini mula digunakan pada 01 November _____, penyerahan _____ sekolah ini diterima oleh Yang Mulia Dato Seri Setia Awg Haji Kasim bin Haji Lamat.

Dan dibuka rasmi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohd Daud pada _____ Oktober 1996.

Pada 25 _____ 1995, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat melawat ke sekolah ini semasa aturcara keberangkatan baginda ke Mukim Berakas dan seterusnya menyempurnakan penyerahan anak-anak kunci rumah di bawah Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan bagi peringkat ke tujuh fasa II, ke lapan, ke sembilan dan ke sepuluh.